



Pelajar Pusat Kejuruteraan Bahan, Leftenan Muda Mohd Syukri Mohd Mokhtar, muncul Pegawai Kadet Terbaik Universiti Malaysia Perlis 2008 sempena Istiadat Pentauliah Diraja Pegawai Kadet PALAPES IPTA Ke-27 bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 21 Jun 2008 lalu. Seramai 1,145 pegawai kadet dari 12 buah IPTA telah ditauliahkan pada istiadat tersebut dan ianya disempurnakan oleh Canselor UKM, DYMM Tuanku Ja'afar Almarhum Tuanku Abdul Rahman. Turut hadir ialah Panglima-panglima Angkatan Tentera Laut, Darat dan Udara serta Komandan-Komandan PALAPES IPTA. Sementara itu pada sebelah malamnya pula, satu Majlis Santapan Malam Rejimental telah diadakan sempena Pentauliah PALAPES UniMAP 2008 yang diadakan di Hotel Palace Of Golden Horses. Pada majlis tersebut, Leftenan Muda Mohd Shahrull Abdullah pelajar jurusan Kejuruteraan Rekabentuk Produk dianugerahkan Pegawai Kadet Akademik Terbaik 2008. Upacara penyerahan anugerah tersebut disempurnakan oleh DYT M Canselor UniMAP, Tuanku Syed

Pegawai Kadet PALAPES UniMAP Terima Tauliah



Faizuddin Putra Jamalullail. Majlis ini selain dari meraikan kejayaan Pegawai Kadet ia juga adalah suatu penghargaan kepada sumbangan yang telah diberikan mereka selama tiga tahun berada di UniMAP di dalam PALAPES.